

**KAJIAN KESESUAIAN CADANGAN PEMBANGUNAN SISTEM
PENGANGKUTAN TRANSIT ALIRAN RINGAN ATAU *LIGHT RAIL*
TRANSIT (LRT) DI DAERAH JOHOR BAHRU**

WAN MD HAZLIN AGYL WAN HASSAN

**Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

OKTOBER, 2005

ABSTRAK

Pembangunan Sistem Pengangkutan Transit Aliran Ringan (LRT) dilihat sebagai salah satu daripada mod pengangkutan awam yang dapat mengatasi masalah kesesakan lalulintas dengan masa perjalanan yang lebih cepat berbanding dengan kenderaan persendirian walaupun ia tidak menjalankan perkhidmatan dari pintu ke pintu seperti kenderaan persendirian. Namun begitu apa yang cuba dilihat di dalam penggunaan LRT adalah ia sebagai salah satu daripada mod pengangkutan awam yang efisien dari segi penggunaan tanah dan dalam mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Daerah Johor Bahru dilihat cuba mengatasi masalah penurunan tahap keupayaan jalan-jalan utama dengan mencadangkan pembangunan LRT di dalam Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru, 2002-2020 (DRTDJB). Namun yang demikian apa yang menjadi persoalan adakah daerah ini benar-benar bersedia untuk membangunkan LRT? Penyelidikan ini dijalankan bagi melihat kesesuaian pembangunan LRT di daerah Johor Bahru. Penyelidikan dijalankan berteraskan kepada kriteria-kriteria yang telah dikenalpasti berdasarkan kajian teoritikal yang dijalankan selain daripada pemahaman senario pembangunan LRT di luar negara. Perbandingan di antara kriteria-kriteria pembangunan LRT dengan keadaan semasa dan masa hadapan bagi daerah Johor Bahru dilakukan di dalam menilai kesesuaian pembangunan LRT di daerah ini. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan dapatlah dirumuskan bahawa daerah Johor Bahru masih belum bersedia untuk membangunkan LRT di dalam jangkamasa DRTDJB iaitu 18 tahun memandangkan terdapat beberapa kriteria utama yang diperlukan di dalam pembangunan LRT tidak dipenuhi. Oleh yang demikian sekiranya daerah Johor Bahru tetap ingin melaksanakan cadangan pembangunan LRT beberapa cadangan disarankan dan perlu diikuti berdasarkan kepada kajian teoritikal bagi memastikan pembangunan LRT dapat dijalankan.

ABSTRACT

Proposed Light Rail Transit (LRT) seems to be one of the efficient modes of public transport that can prevent traffic congestion through its advantages; times and right-of-way. Besides that, it is also efficient in the using of the land use. Johor Bahru district tries to maintain the Level of Service (LOS) of the main roads by proposing LRT in their Johor Bahru District Draft Local Plan, 2002–2020 (DRTDJB). The question, however is, Johor Bahru district really ready to develop the LRT in its area? This research is done in order to see whether it is suitable to develop LRT in Johor Bahru using a few criteria that have been listed out and some successful case study For that reason, comparison method is used by comparing the LRT criteria with the existing and future land use at the site. Then, output from the analysis shows that, Johor Bahru district is not yet ready to bring LRT development into their transportation and networking systems, especially in the city centre in 18 years time. Therefore, it can not fulfill the proposal that have been stated in the DRTDJB, 2002–2020. Otherwise, Johor Bahru district needs to fulfill the LRT requirements and look through the proposal given in this research before setting the meeting to develop their LRT systems if they really want to implement it parallel to their local plan.